

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SEBAGAI FASILITI LATIHAN LIBERALISASI  
(FLL) AHLI FARMASI PROVISIONAL (PRP)**

Premis yang layak untuk memohon sebagai FLL PRP adalah premis yang memenuhi kriteria yang berikut;

**1. Farmasi Komuniti**

- a) Mematuhi syarat [Community Pharmacy Benchmarking Guideline](#) oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- b) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (FRP) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dan memiliki pengalaman kerja tidak kurang dari empat (4) tahun di **Farmasi Komuniti** sahaja.
- c) Perlu memperolehi pengesahan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) Negeri untuk menjalani latihan liberalisasi PRP (berkuatkuasa bermula dari Januari 2017). Pengesahan CPF ini diperolehi daripada pihak CPF Negeri oleh Pegawai LFM sendiri.

**2. Hospital Swasta**

- a) Mendapat akreditasi dari **Malaysia Society for Quality in Health (MSQH)** atau akreditasi lain yang setara dengannya termasuk **Joint Commission International (JCI)** dan **Australian Council on Healthcare Standards (ACHS)**.
- b) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (FRP) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dengan pengalaman kerja tidak kurang dari empat (4) tahun di hospital swasta/kerajaan.
- c) Mempunyai perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar.

**3. Industri Farmaseutikal Kategori Mengilang**

- a) Memiliki **Lesen Pengilang (Manufacturer's Licence)** dari Agensi Regulatori Farmaseutikal Negara (ARFN), Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (FRP) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dengan pengalaman kerja tidak kurang dari empat (4) tahun di **Industri Farmaseutikal Mengilang** (*Manufacturing Pharmaceutical Industries*).

**4. Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang**

- a) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (FRP) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dengan pengalaman kerja tidak kurang dari empat (4) tahun di **Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang** (*Non-Manufacturing Pharmaceutical Industries*).

**5. R&D Universiti (Fakulti Farmasi, Institusi Pengajian Tinggi yang menjalankan Research and Development (R&D))**

- a) Mendapat Pengiktirafan Penuh dari Lembaga Farmasi Malaysia bagi program Ijazah Farmasi.
- b) Mendapat Akreditasi Penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menjalankan program Sarjana atau Doktor Falsafah
- c) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (FRP) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dengan pengalaman kerja tidak kurang dari empat (4) tahun di **Universiti**.